

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 2 MAC 2021
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 4

Jumlah rakyat jatuh miskin akibat Covid-19 meningkat



Golongan gelandangan yang juga dalam kategori miskin di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mendapat bantuan sejak kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan pertama.

PUTRAJAYA – Jumlah rakyat yang jatuh miskin akibat pandemik Covid-19 yang melanda dilaporkan meningkat.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, mereka yang dahulunya berada dalam kumpulan T20 sebahagianya telah menjadi M40 dan sebahagian kumpulan M40 pula menjadi kumpulan B40.

“Kumpulan B40 pula menjadi bertambah miskin kerana kesan penguncupan ekonomi yang sedang dialami di negara ini.

“Kabinet juga telah membincangkan secara mendalam terhadap kemiskinan yang sedang berlaku di negara kita,” kata beliau pada Isnin.

Jelas Muhyiddin, Jawatankuasa Kabinet Mengenai Kemiskinan yang dipengerusikan beliau akan meneliti masalah berkenaan secara terperinci.

“Kita teliti usaha yang boleh dilaksanakan oleh kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan (GLC), badan-badan sukarela serta sektor swasta untuk bersama-sama mengatasi masalah kemiskinan,” kata Muhyiddin.

Beliau berkata, program pembasmian kemiskinan akan mengambil kira peningkatan Paras Garis Kemiskinan 2021 (PGK 2021) daripada RM980 kepada RM2,208 yang akan meningkatkan bilangan isi rumah miskin dan miskin tegar serta meningkatkan bilangan kumpulan sasaran.